# TERMS AND CONDITIONS OF SERVICES
# TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN

1. ME12PAY is under no obligation to affect the Payment Instruction(s) if there are insufficient funds in Account/Card of the Account/Card Holder. If the account is overdrawn, the Account/Card Holder shall on demand by ME12PAY make good any amount overdrawn plus any interest payable thereon.

2. The Account/Card Holder agrees that where there is available funds in the Account/Card, but the same is insufficient to give effect to the Payment Instruction(s), ME12PAY may in its absolute discretion, without any liability, elect not to give effect to the Payment Instruction(s) , and/or to determine the order of priority of the Payment Instruction(s) as ME12PAY deems fit, in which event, the Account/Card Holder shall be responsible to pay the Beneficiary directly. ME12PAY shall not be obliged nor shall ME12PAY be liable to make any re-attempts.

3. The Account/Card Holder agrees not to hold ME12PAY responsible or liable for relying and acting on the instructions of the Account/Card Holder. The Account/Card Holder further agrees that any disputes or irregularities shall be dealt directly with the Beneficiary.

4. The Account/Card Holder agrees not to hold ME12PAY liable for any claim, loss, damage, cost or expenses arising from the unsuccessful or non-execution of the Payment Instruction(s) due to insufficient funds in the Account/Card, malfunction of system, electrical failure or any other factors beyond the control of ME12PAY.

5. The Account/Card Holder agrees that the Payment Instruction(s) shall be binding on the Account/Card Holder from the date stated in the Instruction Form.

6. The Account/Card Holder agrees to give ME12PAY at least 7 working days written notice of any variations or revocation of the Payment Instruction(s) and such variations or revocation shall be in the form as prescribed by ME12PAY. Notwithstanding such variations or revocation, the Account/Card Holder agrees that the Payment Instruction(s) from the Account/Card Holder shall continue to be effective until ME12PAY receives the variations or revocation notice and had time to give effect to it.

7. The Account/Card Holder agrees that ME12PAY may at its absolute discretion terminate this order as to future payments at any time by notice in writing to the Account/Card Holder, or without notice at any time after receipt of written notice from the Beneficiary that no further payment is required.

8. The Account/Card Holder agrees that ME12PAY reserves the right to vary or change these Terms and Conditions and shall be entitled to terminate the Service at anytime by giving prior notice to the Account/Card Holder.

9. These Terms and Conditions shall not prejudice the terms and conditions governing the opening, operation and maintenance of the account of the Account/Card Holder which shall continue to apply and be binding on the Account/Card Holder.

10. The Account/Card Holder agrees that ME12PAY is not obliged to execute or give effect to the Payment Instruction(s) if, ME12PAY suspects or if the Payment Instruction(s) involves or is for any fraudulent purposes or furtherance of any crime or in breach of any laws or governmental regulations or for any unauthorized purposes.

11. The Account/Card Holder agrees that ME12PAY shall not be held responsible or liable for any claims, loss, damages, cost and expenses (including consequential, incidental general, special and indirect loss or damage or claims suffered by the Account/Card Holder arising from any person giving the Payment Instruction(s) herein purportedly in the name of the Account/Card Holder to ME12PAY.

12. The Account/Card Holder agrees that the Payment Instruction(s) shall continue to be effective notwithstanding the Account/Card Holder's death or bankruptcy or dissolution or winding up, as the case may be, or the revocation of this Payment Instruction(s) until further written notice thereof is received by ME12PAY.

13. The Account/Card Holder agrees that any notice sent by ME12PAY to the Account/Card Holder shall be sent to the last known address on the record of ME12PAY and such notice is deemed to have been received by the Account/Card Holder.

14. The Account/Card Holder agrees that ME12PAY reserves the right at any time to (a) discontinue, interrupt, withdraw or suspend this Service in whole or ME12PAY shall not be held liable for any loss or damage which may be suffered by the Account/Card Holder or any other third party appearing in the Instruction Form as a result of such action by ME12PAY, and (b) vary, add, delete or amend any of these Terms and Conditions with notice. Such variations, additions, deletions or amendments shall become effective on such date as ME12PAY may elect to adopt, and in the absence of any notice from the Account/Card Holder to revoke or terminate this Service or the continued use of this Service by the Account/Card Holder, the Account/Card Holder shall be deemed to have accepted the variations, additions, deletions or amendments.

15. The Account/Card Holder agrees to indemnify and hold ME12PAY harmless and indemnified against all actions, proceedings, claims, damage, cost, expenses, demands and losses which ME12PAY may incur or sustain by reason of ME12PAY providing this Service and/or arising from errors, mistakes or omissions on the part of the Account/Card Holder or the Beneficiary.

16. The Account/Card Holder agrees to provide ME12PAY with additional information and documents as may be requested by ME12PAY at any time and from time to time.

17. The Account/Card Holder agrees that these Terms and Conditions and the Instruction Form shall be governed by the laws of Malaysia.

18. The Account/Card Holder consents to his/her personal data to be processed by ME12PAY pursuant to the Personal Data Protection Act 2010.

**TERMS AND CONDITIONS OF SERVICES**
**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN**

1. ME12PAY tidak mempunyai sebarang obligasi untuk melaksanakan Arahan Pembayaran jika dana dalam Akaun/Kad Pemegang Akaun/Kad adalah tidak mencukupi. Jika akaun terlebih keluar, Pemegang Akaun/Kad hendaklah, apabila dituntut oleh ME12Pay, menjelaskan sebarang jumlah yang terlebih keluar dicampur sebarang faedah yang perlu dibayar terhadapnya.

2. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa jika terdapat dana tersedia dalam Akaun/Kad, tetapi dana tersebut tidak mencukupi untuk melaksanakan Arahan Pembayaran, ME12PAY boleh menurut budi bicara mutlaknya, tanpa sebarang liabiliti, memilih untuk tidak melaksanakan Arahan Pembayaran, dan/atau menentukan turutan keutamaan Arahan Pembayaran sebagaimana dianggap wajar oleh ME12PAY dan dalam keadaan sedemikian, Pemegang Akaun/Kad bertanggungjawab untuk membayar Penerima secara terus. ME12PAY tidak mempunyai obligasi dan ME12PAY juga tidak akan bertanggungjawab untuk melakukan sebarang percubaan semula.

3. Pemegang Akaun/Kad bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan ME12PAY kerana bergantung kepada dan bertindak berdasarkan arahan oleh Pemegang Akaun/Kad atau atas sebarang kesilapan atau kesalahan yang dibuat oleh Pemegang Akaun/Kad. Pemegang Akaun/Kad selanjutnya bersetuju bahawa sebarang pertikaian atau perkara yang tidak kena akan ditangani secara terus dengaan Penerima

4. Pemegang Akaun/Kad bersetuju untuk tidak mempertanggungjawabkan ME12PAY atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan berbangkit daripada kejayaan atau kegagalan untuk melaksanakan Arahan Pembayaran disebabkan dana yang tidak mencukupi dalam Akaun/Kad, kepincangan system, terputus bekalan elektrik atau sebarang faktor lain di luar kawalan ME12PAY.

5. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa Arahan Pembayaran akan mengikat Pemegang Akaun/Kad dari tarikh yang dinyatakan dalam Borang Arahan Pembayaran.

6. Pemegang Akaun/Kad bersetuju untuk memberikan kepada ME12PAY notis bertulis sekurang-kurangnya 7 hari bekerja tentang sebarang perubahan atau pembatalan Arahan Pembayaran dan perubahan atau pembatalan sedemikian hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh ME12PAY. Meskipun perubahan atau pembatalan tersebut, Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa Arahan Pembayaran daripada Pemegang Akaun/Kad akan terus berkuat kuasa sehingga ME12PAY menerima notis perubahan atau pembatalan dan mempunyai masa untuk menguatkuasakannya.

7. ME12PAY atas pilihan mutlaknya boleh menamatkan arahan ini berkaitan dengan pembayaran di masa depan pada bila-bila masa sahaja secara notis bertulis kepada Pemegang Akaun/Kad, atau tanpa notis bertulis pada bila-bila masa setelah menerima arahan bertulis daripada Penerima bahawa tidak diperlukan pembayaran lagi.

8. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa ME12PAY merizab hak untuk mengubah atau menukar Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan berhak menamatkan Perkhidmatan pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu kepada Pemegang Akaun/Kad.

ME12PAY DIGITAL SDN BHD (co. no. 1270498-M)
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park, No.1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia
Tel: 03-5569 7977 Fax: 03-5569 9877

9. Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak akan menjejaskan terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal pembukaan, operasi dan penyelenggaraan Akaun/Kad Pemegang Akaun/Kad yang akan terus diguna pakai dan mengikat terhadap Pemegang Akaun/Kad.

10. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa ME12PAY tidak mempunyai obligasi untuk melaksanakan atau menguatkuasakan Arahan Pembayaran jika ME12PAY mengesyaki atau jika Arahan Pembayaran melibatkan atau adalah bagi sebarang tujuan penipuan atau untuk melanjutkan sebarang jenayah atau melanggar sebarang undang-undang atau peraturan kerajaan atau bagi sebarang tujuan yang tidak dibenarkan.

11. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa ME12PAY tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk kerugian atau kerosakan berbangkit, sampingan, am, khas dan tidak langsung atau tuntutan yang ditanggung oleh Pemegang Akaun/Kad berbangkit daripada mana-mana orang memberikan Arahan Pembayaran di dalam ini kononnya dalam nama Pemegang Akaun/Kad kepada ME12PAY.

12. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa Arahan Pembayaran akan terus berkuat kuasa meskipun kematian atau kebankrapan atau pembubaran atau penggulungan Pemegang Akaun/Kad, mengikut keadaan, atau pembatalan Arahan Pembayaran ini hingga notis bertulis terhadapnya diterima oleh ME12PAY.

13. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa sebarang notis yang diberikan oleh ME12PAY kepada Pemegang Akaun/Kad akan dihantar ke alamat yang terakhir di dalam rekod ME12PAY dan notis sedemikian akan dianggap diterima oleh Pemegang Akaun/Kad

14. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa ME12PAY merizab hak pada bila-bila masa untuk (a) memberhentikan, menggendalakan, menarik balik atau menggantung Perkhidmatan ini dengan sepenuhnya atau sebahagiannya sebagaimana dianggap wajar oleh ME12PAY dan tanpa memberikan sebarang sebab pun jua, dan ME12PAY tidak akan dipertanggungjawabkan atas sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin dialami oleh Pemegang Akaun/Kad atau mana-mana pihak ketiga lain yang kelihatan dalam Borang Arahan Pembayaran akibat tindakan sedemikian oleh ME12PAY dan (b) mengubah, menambah, memotong atau meminda mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan notis. Perubahan, tambahan, pemotongan atau pindaan sedemikian akan menjadi berkuat kuasa pada tarikh yang dipilih oleh ME12PAY, dan dalam ketiadaan sebarang notis daripada Pemegang Akaun/Kad untuk membatalkan atau menamatkan Perkhidmatan ini atau penggunaan Perkhidmatan ini secara berterusan oleh Pemegang Akaun/Kad, Pemegang Akaun/Kad akan dianggap telah menerima perubahan, tambahan, pemotongan atau pindaan tersebut.

15. Pemegang Akaun/Kad bersetuju untuk menanggung rugi dan memastikan ME12PAY tidak dipertanggungjawabkan dan ditanggung rugi terhadap semua tindakan, prosiding, tuntutan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan kerugian yang mungkin ditanggung atau dialami oleh ME12PAY disebabkan ME12PAY menyediakan Perkhidmatan ini dan/atau berbangkit

daripada kesilapan, kesalahan atau peninggalan di pihak Pemegang Akaun/Kad atau Penerima.

16. Pemegang Akaun/Kad bersetuju untuk memberikan maklumat dan dokumen tambahan kepada ME12PAY sepertimana diminta oleh ME12PAY pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

17. Pemegang Akaun/Kad bersetuju bahawa Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan Borang Arahan Pembayaran hendaklah dikawal oleh undang-undang Malaysia.

18. Pemegang Akaun/Kad bersetuju kepada maklumat peribadinya diproses oleh ME12PAY menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.